

BAB TUJUH

KESIMPULAN

7.1 Pengenalan

Kajian semasa ini membincangkan tentang pemikiran masyarakat Tamil awal dalam kesusasteraan Tamil klasik. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan hermeneutik. Pendekatan hermeneutic digunakan untuk menginterpretasikan pemikiran MTA berdasarkan data yang dikutip daripada KTK. Data-data yang dikutip oleh pengkaji diinterpretasikan mengikut empat tahap yang ditentukan dalam pendekatan hermeneutik. Keempat-empat tahap yang dimaksudkan ialah identifikasi dan dokumentasi, penyiasatan dan pembahagian data, interpretasi dan analisis serta penggabungan dan pencapaian kesimpulan.

Pada tahap pertama dan kedua, pengkaji telah mengumpulkan data daripada sumber primer kajian iaitu KTK melalui pembacaan berstruktur. Disamping itu, kajian perpustakaan dikendalikan sebagai usaha untuk memperolehi data-data daripada sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian semasa. Data yang dikutip diklasifikasikan mengikut bidang-bidang yang digariskan dalam Teori SPB4K. bagi tujuan tersebut, pengkaji telah menyediakan jadual bagi merekod data yang dikutip daripada sumber pertama. Seterusnya proses interpretasi dan analisis dilakukan berdasarkan sumber primer, sumber sekunder dan Teori SPB4K. Akhirnya kesimpulan yang berkaitan dengan dapatan kajian diadakan. Dalam tahap ini, Teori SPB4K dimanfaatkan secara sepenuhnya supaya penemuan kajian dapat diperkukuhkan.

7.2 Penemuan Kajian

Kajian berjudul ‘Pemikiran Masyarakat Tamil Awal Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik mendedahkan beberapa penemuan penting. Fakta yang sedia ada menunjukkan KTK mewarisi nilai kesusasteraan yang tinggi. Selian itu KTK sebagai hasil kesusasteraan yang terawal dapat bertindak sebagai cerminan MTA. Ini adalah kerana KTK ada merekodkan pemikiran MTA. Berdasarkan analisis yang dikendalikan MTA memiliki pemikiran yang unik dan yang tersendiri. Namun demikian, pengetahuan tentang pemikiran MTA kurang diketahui oleh masyarakat Tamil yang ada hari ini. Oleh yang demikian, kajian semasa menalisis dan menilai data-data daripada KTK dalam usaha mendedahkan pemikiran MTA.

Sebagai permulaan, menerusi dalam bab pertama beberapa penemuan dibuat. Pertamanya, ialah ialah tiada sebarang usaha setakat ini untuk menilai hasil KTK berdasarkan Teori SPB4K. Kajian literatur menunjukkan hanya diguna pakai dalam kajian bahan kesusasteraan Melayu sahaja. Selain itu, kebanyakan kajian KTK yang sedia ada lebih kepada pengumpulan data dan jarang menggunakan sebarang teori.

Oleh kerana kajian semasa berkait rapat dengan pemikiran, konsep budaya dan pemikiran telah dibincangkan dalam bab dua. Ia diikuti dengan penjelasan tentang Teori SPB4K dengan huraian empat jenis pemikiran yang diutarakan oleh Teori SPB4K. Keempat-empat pemikiran yang dimaksudkan ialah Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Kekreatifan. Perbincangan diteruskan dengan mengkaji latar belakang KTK, sebagai usaha membina konsep dan teori bagi kajian

semasa. Hasilnya satu kerangka kajian dapat dibuat supaya kajian semasa dapat dijalankan secara berstruktur.

Penganalisaan terhadap hasil KTK menunjukkan bahawa, puisi-puisi KTK terikat dengan suatu peraturan tatabahasa bersifat konvensi puisi yang tersendiri. Berdasarkan kepada konvensi puisi ini, tema ditentukan. Terdapat tema perasaan dalaman (*akam*) dan perasaan luaran (*puram*) merupakan intipati penting dari segi penggubalan puisi-puisi KTK. Namun demikian, konsep *mutalporul*, *karupporul* dan *uripporul* yang berdasarkan konsep *tinai* tidak menghalang para penyair menyampaikan mesej kepada tatapan rakyat jelata ataupun pihak pemerintah. Walaupun puisi-puisi KTK mendukung tema kecintaan dan keperwiraan sebagai sesuatu yang asas, namun ianya tidak terlupa dalam dapat berdiri secara berasingan. Sebaliknya penyampaian kedua-dua tema tersebut melalui puisi tetap mencerminkan pemikiran MTA.

Penelitian terhadap aspek kerohanian dan kepercayaan MTA yang tersurat dan tersirat dalam KTK membuahkan beberapa penemuan yang penting. Antara penemuan utama ialah konsep keagamaan yang dipraktikkan oleh MTA dipengaruhi oleh tempat kediaman ataupun keadaan bentuk muka bumi. MTA yang mendiami kawasan berbeza mempunyai fahaman konsep ketuhanan yang berbeza. MTA mengamalkan fahaman animisme, politisme dan monotisme yang sedikit sebanyak berkaitan dengan fahaman agama *Veda*. Namun demikian, fahaman agama MTA menunjukkan kelainan dengan pengaruh *Veda* di mana ianya lebih sehati dengan keadaan alam sekitar. Selain itu, Pemikiran Kerohanian MTA didapati bersifat keemosian dan keintektualan yang mengutamakan pelbagai amalan penyembahan dan pemaparan falsafah nilai kerohanian.

Penemuan lain yang dapat dikesan ialah pemikiran MTA dalam bidang Pemikiran Kerohanian tidak terikat dengan amalan agama tetapi turut membincangkan falsafah agama dalam konteks yang lebih besar. Konsep ketuhanan, dan cara penyembahan dapat mendedahkan Pemikiran Kerohanian yang dipikul oleh MTA. Kemunculan teks *Tirumurukārruppatai* dan *Paripāṭal* sebagai teks kerohanian dapat mendedahkan pemikiran MTA yang mengutamakan nilai kerohanian. Penganalisaan juga mendedahkan walaupun wujud konsep tuhan yang pelbagai dalam kalangan MTA, namun tiada wujud persengkatan antara penganut sehingga ianya dipaparkan dalam mana-mana puisi KTK yang wujud. Keadaan ini amat berbeza dengan zaman selepas ini di mana dapat melihat pertembungan yang hebat antara penganut khususnya daripada mazhab *Saivism* dengan mazhab *Vainaisme*.

Penelitian terhadap pemikiran MTA dalam bidang Pemikiran Kebitaraan juga mendedahkan beberapa penemuan baru. Antaranya ialah, MTA memberikan kepentingan kepada proses kelahiran bayi yang merupakan penyambung zuriat. Setiap ahli keluarga memastikan kewujudan persekitan yang positif sebelum, semasa dan selepas proses kelahiran anak berlaku. Dalam hal ini, tanggungjawab si suami amat dipentingkan dengan menyediakan satu keadaan yang selamat kepada si ibu dan anak yang baru lahir.

MTA memastikan anak yang lahir dipastikan melalui tumbesaran yang sihat dari segi rohani, emosi dan intelek yang dapat memastikan perkembangan otak yang baik. Dalam hal ini, peranan kedua-dua ibu bapa ditekankan dala proses mendidik anak dengan pelbagai kemahiran dan nilai-nilai murni sejak kecil lagi. Anak-anak MTA digalakkan berfikir secara kreatif dan saintifik bagi memastikan perkembangan HOKA dan HOKI

secara optimum. Kepentingan ilmu pengetahuan ditekankan sejak kecil lagi bagi memastikan anak-anak bergelar sarjana semasa dewasa nanti.

Penelitian terhadap aspek Pemikiran Kesaintifikan MTA mendedahkan pemikiran MTA, khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Antara penemuan yang didapati ialah Pemikiran Kesaintifikan MTA merentasi pelbagai bidang seperti astronomi, geologi, perubatan, pertanian, perindustrian, pengangkutan, dan pertahanan. Tanpa mengguna pakai alat-alat saintifik moden MTA masih dapat mengaplikasikan ilmu sains dan teknologi dalam kehidupan seharian. Antaranya, pengetahuan MTA dalam bidang astronomi membantu MTA merancang kegiatan seharian mereka yang berkaitan dengan aktiviti pertanian, perdagangan dan pertahanan negara.

Selain itu, penguasaan Pemikiran Kesaintifikan dapat membolehkan MTA meningkatkan taraf hidup mereka. Keadaan negara yang maju dari segi ekonomi membolehkan mereka menumpukkan perhatian kepada aktiviti-aktiviti kesenian yang berkaitan dengan Pemikiran Kekreatifan. Penguasaan Pemikiran Kesaintifikan juga dapat membolehkan MTA mengaplikasikan Pemikiran Kesaintifikan bersama-sama dengan Pemikiran Kekreatifan bagi menghasilkan produk yang lebih baik. Walaupun Pemikiran Kesaintifikan diamalkan dalam segala kegiatan, namun ianya melihatkan satu keserasian dengan alam sekitar. Keadaan ini berbeza dengan keadaan dunia hari ini yang mengganggu dan memusnahkan alam sekitar dalam proses penciptaan mana-mana hasil sains.

Penelitian terhadap aspek Pemikiran Kekreatifan MTA juga menemukan beberapa penemuan. Antaranya ialah, kehidupan MTA yang sehati dengan alam sekitar menjadi inspirasi kepada perkembangan Pemikiran Kekreatifan. Perkembangan bidang seni muzik,

seni tarian, dan seni drama pesat berlaku dalam zaman ini akibat wujudnya permintaan daripada golongan berada. Kewujudan para seniman yang khusus bagi setiap bidang seni telah merencanakan perkembangan bidang seni. Selain itu, kewujudan para seniman yang mahir memainkan pelbagai alat muzik juga mendedahkan kesanggupan para seniman yang sanggup belajar dan pandai mengabungkan pelbagai alat muzik, sehingga dapat menghasilkan persembahan yang menakjubkan.

Salah satu penemuan yang ditemui ialah Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan MTA menunjukkan satu hubungan yang unik antara kedua-dua pemikiran tersebut. MTA mengaplikasikan Pemikiran Kekreatifan MTA bersama dengan Pemikiran Kesaintifikan bagi menghasilkan hasil yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Seni lukisan, seni ukiran dan seni penganyaman MTA merupakan tinggalan MTA kepada dunia hari ini. Semangat dan cara hidup yang lebih berceria menampakkan MTA sanggup membelanjakan masa dan kos untuk menghiaskan diri secara kreatif yang turut merencanakan perkembangan perindustrian tekstil dan pembuatan logam. Oleh yang demikian Pemikiran Kekreatifan MTA tidak terpisah dengan Pemikiran Kesaintifikan.

Penelitian terhadap KTK juga mendedahkan pemikiran MTA ada pemikiran yang bersepadu yang meliputi Pemikiran Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan seperti mana yang dituntut oleh Teori SPB4K. Hal ini mungkin kerana, MTA sedar bahawa Pemikiran Kerohanian dapat membawa perkembangan Pemikiran Kebitaraan yang berkaitan dengan perkembangan otak. Perkembangan otak yang baik pula dapat memastikan HOKA dan HOKI serta empat kuadran otak yang mengaplikasikan Pemikiran Kesaintifikan dan kreatifan berkembang dengan baik. Oleh yang demikian, pemikiran

MTA yang dipaparkan dalam hasil KTK mendedahkan MTA telah menjalani satu cara hidup yang lebih bersepadu dan dinamik.

Penganalisan terhadap pemikiran MTA turut mendedahkan kesinambungan antara memiliki domain kognitif, efektif dan psikomotor seperti mana yang digariskan oleh Taxanomi Bloom. Sememangnya terdapat maklumat mengenai domain kognitif yang terdiri daripada enam aras iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian yang dapat dikesan dalam KTK. Hal ini menggambarkan MTA mewarisi pemikiran aras rendah dan juga pemikiran aras tinggi yang kini sangat ditekankan dewasa ini.

Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai empat tahap perkembangan yang dilalui oleh kanak-kanak MTA seperti mana yang disarankan oleh Jean Piaget. Penganalisan peringkat perkembangan yang dilalui oleh kanak-kanak MTA mendedahkan keperihatinan ibu bapa dan kaum keluarga dalam proses mendidik anak dari segi mental, emosi dan rohani. Apa yang menarik ialah keperihatinan terhadap perkembangan anak itu bermula daripada hari melangsungkan perkahwinan sehingga anak itu membesar menjadi dewasa. Dalam hal ini, MTA meletakkan tanggung jawab tersebut kepada semua lapisan masyarakat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan anak tersebut.

Satu lagi dapatan kajian yang dapat dibongkar ialah pengesanan kecerdasan kepelbagaian iaitu *Multiple Intelligence* seperti mana yang digariskan oleh Howard Gardner. Memang terdapat bukti dalam puisi-puisi KTK yang menengahkan kelapan-lapan kecerdasan kepelbagaian iaitu kecerdasan verbal linguistik, matematik, visual ruang, naturalistic dan kinestatik. Namun kecerdasan interpersonal dan intra personal hanya ditekankan kepada orang dewasa.

Kajian terhadap KTK juga mendedahkan MTA ada mewarisi pelbagai jenis pemikiran seperti mana yang diperkenalkan dewasa ini. Misalnya dalam mengaplikasikan Pemikiran Kesaintifikan MTA ada elemen penggunaan pemikiran analitikal, kritikal, reaktif, historis, teknikal, hipotetikal, projekatif, proaktif, konstruktif, sistematik dan pragmatik. MTA juga mengambil kira pemikiran positif yang memberikan keyakinan dan motivasi serta pemikiran negatif yang seolah-olah memberi amaran bahaya yang bakal menimpa. Dalam Pemikiran Kerohanian pula penggunaan pemikiran emotif dan nilai amat ditekankan. Penemuan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa KTK memenag sesuai digunakan sebagai bahan mengajar bagi memperkenalkan konsep pemikiran secara umum kepada pelajar.

Akhir sekali, penganalisaan terhadap pemikiran MTA dalam hasil KTK dengan Teori SPB4K dapat menemukan satu dapatan baru di mana pengkaji dapat melihat satu hubungan unik antara tema yang dipersoalkan oleh hasil KTK dengan empat jenis pemikiran yang dibawa oleh Teori SPB4K. Dapatan tersebut membolehkan pengkaji menghasilkan model pemikiran yang tersendiri yang dinamakan sebagai Model Pemikiran Selvas.

Hasil KTK mendedahkan tema *akam* dan *puram* sebagai dua tema utama. Tema *akam* berkait rapat dengan perasaan dalam yang berkaitan dengan perkembangan rohani dan emosi. Oleh yang demikian, ianya berkaitan dengan Pemikiran Kerohanian dan Pemikiran Kebitaraan yang berlaku secara dalaman bagi setiap individu. Tema *puram* pula berkait rapat dengan perasaan luaran yang berlaku secara fizikal. Ianya mempunyai kaitan dengan Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan kerana kita dapat melihat hasil produk di depan mata. Namun demikian, keempat-empat pemikiran tersebut perlu

diaplikasikan secara bersepadu bagi menghasilkan masyarakat yang tinggi martabat dan disegani oleh masyarakat lain.

7.3 Cadangan Kajian

Walaupun kajian terhadap hasil KTK menjadi pilihan para pengkaji, namun hasil pengganalisaan yang dilakukan oleh pengkaji mendedahkan kajian terhadap hasil KTK perlu dipertingkatkan kepada tahap yang lebih jitu dengan mengambil kira faktor keperluan zaman kajian hari ini. Hal ini adalah kerana, semasa menjalankan kajian ini, pengkaji memperolehi pelbagai maklumat yang dapat mendedahkan kekurangan terhadap hasil-hasil kajian terhadap hasil KTK yang sedia ada. Keadaan ini membawa kepada pengkaji menerbitkan beberapa artikel yang berkaitan dengan kajian semasa yang sebelum ini kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji hasil KTK. (Rujuk lampiran D).

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan kajian yang perlu dilakukan pada masa terdekat bagi memantapkan lagi kajian terhadap hasil KTK khususnya yang berkaitan dengan pemikiran. Misalnya Pemikiran Kerohanian yang banyak diperbincangkan oleh para pengkaji perlu dilihat dalam skop yang lebih terperinci iaitu dari segi falsafah *Caivam*, *Vainavam*, *Vedantam* dan fahaman agama lain iaitu Jainaisme dan Buddha.

Pemikiran Kebitaraan yang berkaitan dengan perkembangan otak dan penjagaan anak merupakan bidang yang kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji Tamil. Oleh yang demikian bagi pengkaji yang bakal membuat kajian terhadap hasil KTK boleh

menganalisis berdasarkan teori-teori yang sedia wujud yang berkaitan dengan otak, seperti Teori Belahan Ddua, Teori Empat Kuadran Otak dan sebagainya.

Pemikiran Kesaintifikan ada disebut oleh para pengkaji Tamil, tetapi menampakkan kekurangan kerana ianya tidak berdasarkan mana-mana teori saintifik yang wujud. Setiap bidang saintifik dapat diperincikan dan dihalusi dengan lebih mendalam sebagai satu kajian tersendiri kerana hasil KTK mempunyai maklumat yang cukup untuk diperkembangkan sebagai satu kajian yang tersendiri.

Kebelakangan ini muncul pelbagai teori yang berkaitan dengan Pemikiran Kekreatifan yang tidak banyak disentuh oleh dunia kajian sastera Tamil. Kajian boleh dilakukan dalam hasil KTK berdasarkan pemikiran lateral yang diperkenalkan oleh Edward de Bono yang memperkenalkan alat-alat berfikir seperti enam topi pemikiran, enam kasut tindakan, alat-alat CoRT bagi melihat hubungan antara hasil KTK dengan alat-alat tersebut. Selain itu hasil juga boleh dianalisis dari segi hubungan dengan model teori kekreatifan yang sedia wujud. Kajian-kajian sedemikian dapat mendedahkan kekuatan ataupun kekurangan sesuatu teori ataupun hasil KTK secara timbal balik.

7.4 Kesimpulan

Kajian terhadap hasil KTK merupakan satu keperluan zaman ini bagi mengangkitkan kembali zaman kegemilangan masyarakat Tamil yang kini mencari-cari identiti yang semakin hilang dalam arus pembangunan. Pemikiran yang dipaparkan dalam

hasil KTK merupakan instrumen yang dapat membongkarkan semula kecemerlangan masyarakat Tamil yang dapat menjadi inspirasi bagi generasi muda.

Kajian dan pembacaan terhadap hasil KTK merupakan satu keperluan bagi masyarakat moden Tamil zaman ini bagi mengenali dan memahami budaya MTA secara mendalam. Keadaan ini dapat memastikan kebudayaan Tamil dapat diwarisi dan disanjung tinggi. Kajian sebegini juga penting untuk tatapan masyarakat bukan Tamil, supaya mereka dapat membuat penganalisaan dan mengesahkan pencapaian MTA kerana kajian ini dilakukan dalam bahasa Malaysia. Kajian dalam bahasa Malaysia yang berkaitan dengan budaya asing dapat menaikkan imej bahasa Malaysia sebagai bahasa keintelektualan. Selain itu, kajian sebegini dapat memberi peluang kepada masyarakat bukan Tamil, khasnya daripada rumpun alam Melayu memahami budaya masyarakat Tamil yang dapat menjadi ikatan perpaduan.